

## Sultan Selangor lawat ICL Hospital Serdang

Mac 28, 2022 @ 1:26pm



Sultan Sharafuddin Idris Shah (depan, dua kiri) melawat Makmal Invasif Kardiologi Hospital Serdang hari ini. - Foto Bernama

SERDANG: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini, melawat Makmal Invasif Kardiologi (ICL) yang menjadi pusat rujukan utama bagi perkhidmatan kardiologi dan kardioterasik kebangsaan, di sini.

Baginda tiba di Hospital Serdang yang menempatkan makmal berkenaan pada jam 10 pagi dan meluangkan masa hampir satu setengah jam di fasiliti berkenaan yang beroperasi sejak 2016.

Turut mengiringi lawatan sulung baginda ke hospital itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

ICL juga aktif dalam memberikan rawatan kecemasan kepada pesakit serangan jantung dengan mempelopori rangkaian ST-elevation myocardial infarction (STEMI).

Makmal berkenaan juga menjalankan lebih 50,000 prosedur invasif jantung termasuk angiogram dan angioplasti, implantasi perentak jantung, prosedur elektrofisiologi dan prosedur penyakit struktur jantung.

Sultan Sharafuddin turut diberi taklimat mengenai pembangunan fasiliti kesihatan negeri Selangor yang disampaikan Khairy.– BERNAMA